



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN ROSLAN BIN MADUN  
TOKOH KESENIAN DAN SASTERA**

**OLEH:**

**NOR ANITA BINTI MUHAMAD NAZRI      2019416568  
MARDINA BINTI SU HALIM                  2019627686**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN ROSLAN BIN MADUN  
TOKOH KESENIAN DAN SASTERA**

**OLEH:**

**NOR ANITA BINTI MUHAMAD NAZRI      2019416568  
MARDINA BINTI SU HALIM                  2019627686**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022)**

---

# PENGHARGAAN

---

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali, puji syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya kami dapat menyiapkan tugas ini. Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada semua yang telah membantu kami dalam menjayakan kursus ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami dalam mata pelajaran ini, Puan Kamariah binti Chik di atas segala nasihat dan tunjuk ajar sepanjang proses tugas ini dijalankan.

Di kesempatan ini, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga kami yang telah memberikan sokongan moral dan kewangan yang besar. Akhir sekali, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan sekelas kami yang membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sebarang masalah. Dengan kerjasama ini, tugas ini dapat diselesaikan mengikut masa yang ditetapkan.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Roslan Madun diatas kesudian beliau melapangkan masa kepada kami untuk sesi temubual ini. Semoga segala ilmu dan perkongsian yang telah dikongsikan beliau dapat dimanfaat pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

---

## **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Isi kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Senarai Abreviasi.....	iv
Senarai Singkatan.....	v
Rujukan Kata.....	vi
Biodata Penemubual.....	vii-viii
Biodata Tokoh.....	ix
Pengenalan.....	x
Transkrip.....	1- 31
Lampiran	
Log Temubual.....	32-35
Diari Kajian.....	32-35
Senarai Soalan Temubual.....	36-41
Surat Perjanjian.....	42
Gambar.....	43-46
Indeks.....	47-48
Glosari.....	49-51
Bibliografi.....	52-53

# **ABSTRAK**

---

## ABSTRAK

**Abstrak:** Projek ini membincangkan tentang sejarah lisan dan pengalaman seorang tokoh yang merupakan seorang insan yang mewarisi satu seni warisan bangsa dan giat memperjuangkan lagu-lagu rakyat iaitu Roslan Madun. Sejarah lisan yang dijalankan telah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan mengetahui sejarah lagu-lagu rakyat melalui pengkisahan oleh seniman tersebut. Roslan merupakan seorang penggiat seni lagu-lagu rakyat yang berasal daripada negeri Pahang Sebagai permulaan bagi projek sejarah lisan ini, sejarah tentang perjalanan seni warisan Roslan Madun telah difokuskan secara menyeluruh memandangkan beliau merupakan satu-satunya insan yang tidak mengenal erti penat lelah dalam usaha membawa simbolik-simbolik warisan negara ke masyarakat dunia. Warisan bangsa bukan sahaja merangkumi bangunan bersejarah dan permainan tradisional sahaja, malah turut terdiri daripada koleksi lagu-lagu warisan sebagai salah satu penyambung khazanah negara. Pada era globalisasi kini, kita dapat lihat bahawa generasi abad ini amat kurang menghayati dan memandang sepi pada seni-seni warisan yang terdapat dalam negara. Di samping mengenali dan mengetahui latar belakang tokoh seni warisan bangsa yang amat gigih mepopularkan lagu-lagu rakyat di serata dunia ini, projek sejarah lisan ini juga turut merungkai cabaran yang dihadapi seniman veteran sepanjang perjalanan mereka dalam memperjuangkan seni lagu rakyat ini serta kepentingannya pada masa kini.

**Kata Kunci:** Roslan Madun, Penggiat Seni, Lagu Rakyat, Warisan Seni, Kesasteraan

# **SENARAI ABREVIASI**

---

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
AMP	Ahli Mahkota Pahang
CD	Compact Disk
COVID-19	Coronavirus Nineteen
KL	Kuala Lumpur
KLCC	Kuala Lumpur City Centre
MOTAC	Ministry of Tourism Art and Culture
NGO	Non-Government Organization
PLKN	Progrsm Latihan Khidmat Negara
PKC	Pingat Khidmat Cemerlang
RRI	Radio Republik Indonesia
SMP	Setia Mahkota Pahang
SU	Setiausaha
TV	Televisyen
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
VIU	Video Interface Unit

# **SENARAI SINGKATAN**

---

**SENARAI SINGKATAN**

RM: ROSLAN MADUN

NA: NOR ANITA

M: MARDINA

# **RUJUKAN KATA**

---

## **RUJUKAN KATA**

Ambik	Ambil
Bawak	Bawa
Bukak	Buka
Jugak	Juga
Kang	Nanti
Mende	Perkara
Nok	Nak
Pulak	Pula
Pastu	Selepas itu
Takde	Tiada

# **BIODATA**

# **PENEMUBUAL**

---

## PENEMUBUAL PERTAMA



**Nama penuh** : Nor Anita binti Muhamad Nazri  
**Tarikh Lahir** : 9 Januari 1999  
**Tempat Lahir** : Hospita, Jitra, Kedah  
**Alamat** : No 238 Felda Sebertak, 28200 Bera, Pahang  
**No. Telefon** : 018-9078823  
**Emel** : [jetanazri8@gmail.com](mailto:jetanazri8@gmail.com)  
**Program** : Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

## PENEMUBUAL KEDUA



**Nama penuh** : Mardina binti Su Halim

**Tarikh Lahir** : 2 Disember 1999

**Tempat Lahir** : Hospita; Mentakab, Pahang

**Alamat** : No 63 Jalan Masjid Kampung Kuala Triang, 28200 Bera, Pahang

**No. Telefon** : 012-9396186


**Emel** : mardinahalim99@gmail.com

**Program** : Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

# **BIODATA TOKOH**

---

## **BIODATA TOKOH**



<b>Nama Penuh</b>	: Roslan bin Madun
<b>Tarikh Lahir</b>	: 20 Julai 1952
<b>Tempat Lahir</b>	: Kampung Durian Tawar, Mengkarak, Bera, Pahang
<b>Alamat</b>	: No 26-1, Jalan 4/1 Seksyen 4, Bandar Rinching, Semenyih, Selangor
<b>No. Telefon</b>	: 012-9013636
<b>Emel</b>	: admin@roslanmadun.com : lagurakyat@gmail.com
<b>Profesjon</b>	: Penyanyi, Pengacara, Pengarah filem dan teater dan Karyawan Sastera
<b>Bidang</b>	: Kesenian dan sastera

# **PENGENALAN**

---

## PENGENALAN

Pada era globalisasi kini, kita dapat lihat bahawa generasi Ketika ini amat kurang menghayati dan memandang sepi pada seni-seni warisan negara. Warisan bangsa bukan sahaja merangkumi bangunan bersejarah dan permainan tradisional sahaja, malah terdiri daripada koleksi lagu-lagu warisan dimana ianya merupakan penyambung khazanah negara.

Para pengkaji telah memilih seorang individu yang amat terkenal dalam memperjuangkan lagu-lagu rakyat iaitu Roslan Madun. Beliau merupakan seorang penyanyi lagu-lagu rakyat dan juga penggiat seni yang berasal dari Kampung Durian Tawar, Pahang. Beliau dipilih sebagai individu untuk ditemuramah kerana para pengkaji berpendapat bahawa beliau merupakan seorang insan yang sentiasa berusaha dan tidak kenal erti berputus asa untuk mengembalikan semangat dan kepentingan seni-seni warisan budaya dan bangsa.

Seni boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu muzik, tarian, seni dan permainan. Warisan seni merupakan identiti sesebuah negara. Konteks seni dan budaya merupakan elemen yang sangat penting bagi mewujudkan keharmonian dan kestabilan dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Dalam kehidupan masyarakat yang kian dilihat semakin tercabar dengan adanya kewujudan unsur-unsur pemodenan seperti peningkatan teknologi dan penyebaran maklumat tanpa batasan waktu dan tempat, faktor-faktor yang membawa keruntuhan sesebuah perpaduan antara kaum

Skop kajian ini berkisar mengenai beberapa bahagian dalam konteks kesenian budaya warisan iaitu seni musik dan kesasteraan yang tertumpu kepada karya-karya artis atau seniman veteran. Seni musik terutamanya genre kerakyatan dan kesasteraan yang merangkumi karya puisi, syair dan nukilan tradisional merupakan cabang seni yang menggunakan media bunyi atau suara dalam menyampaikan sebuah karya yang melibatkan pemikiran dan juga rasa pada manusia yang kemudiannya diekprestasi dalam bentuk melodi. Secara ringkasnya, lagu-lagu rakyat dapat didefinisikan sebagai nyanyian yang dihasilkan dalam alam Melayu yang menceritakan kehidupan-kehidupan tentang masyarakat dan alam semulajadi. Bidang sastera dan kesenian sangat meluas dan turut memberi impaknya yang tersendiri dalam kehidupan manusia. Namun, pada zaman industri revolusi pada masa kini, bidang ini terlihat sudah semakin lapuk dan kurang diberi perhatian oleh masyarakat sterutamanya karya-karya sasterawan dan genre musik yang mempunyai unsur-unsur kerakyatan dan beralunan klasik. Oleh itu, skop bagi kajian ini juga tertumpu kepada kepentingan dan serta cabaran yang dihadapi bidang ini dalam pengukuhannya di zaman kini.

# **TRANSKRIP**

---

## TRANSKRIP

Assalamualaikum WBT, saya Nor Anita Binti Muhamad Nazri, bersama sahabat saya Mardina Binti Su Halim, kami merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Maklumat di UiTM Cawangan Kelantan. Tujuan utama kami menelefon dan menemubual tuan ini adalah untuk melakukan satu sejarah lisan bagi memenuhi skop tugas untuk subjek IMR 604. Tujuan sejarah lisan ini adalah kami ingin mengetahui perjalanan, sumbangan nasihat dan juga kerjaya tuan mengenai seni warisan yang tuan perjuangkan. Temuduga ini telah dilakukan pada 13 November 2021 pada pukul 10:05 pagi, hari Sabtu bertempat di kediaman Nor Anita Binti Muhamad Nazri. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:  
NA: Nor Anita  
M: Mardina  
RM: Roslan Madun

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

M: *Okay [Baiklah] tuan, kita start (mulakan) kita punya sejarah lisan berkenaan latar belakang tuan. Boleh tak [tidak]kami tahu [mengetahui] nama penuh tuan?*

RM: Nama saya Roslan Madun. Madun tu [itu] nama ayah saya. Okay [Baiklah] saya berasal dari kampung Durian Tawar, Mengkarak, Pahang. Lahir 20 hari bulan 7 1952. Sekarang dah [sudah] 69 tahun. Bersekolah rendah di Durian Tawar kemudian sekolah agama di Raub Pahang. Setakat itulah, saya takde [tiada] kelulusan tinggi pun. Tapi dalam bidang seni ini, saya memang daripada bawah lah. Saya dalam bidang seni ini, saya ada banyak em banyak apa tu genre yang saya terlibat. Orang mungkin kenal saya sebagai penyanyi lagu rakyat ataupun pendendang syair. Ataupun pendendang puisi-puisi tradisional. Tapi sebenarnya, kegiatan saya bukan sekadar itu, saya adalah ... saya juga terlibat dalam bidang sastera. Sebabnya dulu saya pernah jadi wartawan, kemudian saya jadi *editor* (penyunting) dan program apa penerbitan di KL [Kuala Lumpur] yelah

suratkhabar tu kan. Saya pernah jadi wartawan dan saya pernah menerbitkan surat khabar sendiri pun sebenarnya masa dulu. Masa tu di Smoke Clear. Bidang penulisan tu saya *stop* [berhenti] sekejap bidang sastera *creating* [penghasilan] ni kerana selepas itu saya *involve* [terlibat] dalam bidang filem, lama, sekitar *dua* [2] tahun *kot* [mungkin] atau 1989. Masa tu saya baru balik dari Jepun. Sebab ketika saya menyanyi lagu rakyat tu saya banyak juga menyanyi di luar negara seperti di Korea, Jepun, Singapura dan sebagainyalah. Jadi tahun 1989 itu saya fokus kepada bidang filem sebagai pelakon, penulis skrip, *production manager* [pengurus produksi] kemudian saya jadi pengarah dan penerbit. Ia berlangsung sangat lamalah, sekitar *dua puluh tahun* [20] tahun sehingga saya jadi pengarah pada tahun 1995, sehingga tahun 2000 saya berhenti. Saya *stop* (berhenti) dalam industri, saya balik kampung *kat* (di) Pahang, *kat* (di) Temerloh. Duduk sana sampai 2014, kegiatan saya di Pahang, fokusnya di Temerloh, kemudiannya di bandar-bandar lain terutamanya di Kuantan.

Semasa di Temerloh, kegiatan seni budaya saya melangkaui hal-hal yang berkaitan lagu-lagu rakyat sahajalah. Sebab saya banyak menganjurkan kursus-kursus penulisan, pertandingan-pertandingan, teater terutamanya dan sebagainyalah. Dan kemudian 2014 macam tu saya balik ke *KL* (Kuala Lumpur) sehingga sekarang. Semasa balik ke *KL* (Kuala Lumpur), saya aktif balik menulis, kritis dan berpuisi dan sebagainya. Saya juga aktif balik dalam produksi filem. Lebih kurang macam *tu* [itu]. Secara ringkasnya. Kalau nak cerita panjang, panjang sangat.

**NA: (Ketawa). Siapakah idola yang diminati oleh tuan?**

RM: Antara orang yang mendorong saya untuk kekal... adalah arwah Salim sebab saya pernah menyanyi sepantas dengan beliau. Beliau cakap dekat saya “Teruskan buat

bidang *ni* [ini]. Sebab *takde* [tiada] orang nak perjuangkannya” ada beberapa tokoh yang lain.

**NA: Mengapa tuan meminati dan mengidolakannya?**

RM: Salim tu sangat jelas nasihat dia.

**NA: Sebelum kita pergi dengan lebih lanjut. (ketawa) *nak* [mahu] berbalik kepada latar belakang tuan. Sekarang *ni* [ini] tuan berada di mana?**

RM: *Okay* [Baiklah] Sekarang saya tinggal di Taman Sri Ramal, Kajang, kat [di] Bangi. Pejabat saya di Bandar Rinching, Seksyen 4 unit. Tempat tinggal lah.

**NA: *Okay* [Baiklah] Boleh kami tahu siapakah nama ibu dan bapa tuan dan berapakah bilangan adik-beradik?**

RM: Dah macam polis *nak* [mahu] tahu. (ketawa)

RM: *Okay* [Baiklah] Mak saya nama Siti – Arwahnya ayah saya Haji Madun Haji Syukor. Adik beradik satu mak satu ayah ada *lima* [5] orang. Tapi ada adik beradik yang lain ayah. Yang lain mak jugak [juga]. Ayah saya kemudian berkahwin di Raub, Pahang. Yang tadi tu di Temerloh, di Kampung Durian Tawar lah. Sebab ayah saya *ni* (ini) guru agama. Dia *bukak* [buka] madrasah, dia mengajar di kampung itu. Kemudian dia pergi ke sebelah Raub sana dia buka madrasah – adik-beradik ada di sana. Ada 8 orang *tak* [tidak] silap adik-beradik saya kat [di] sana.

**NA:** Adakah mereka juga turut terlibat dalam bidang *ni* [ini]?

**RM:** ... Seorang pun tidak.

**NA:** (ketawa) Tuan sahaja?

**RM:** Saya *je* [sahaja] Anak-anak tuan haji mana mahu terlibat dalam bidang macam saya. Saya ni degil. Bila degil mula-mula tu [itu] hampir jugak [juga] nak [mahu] bersara. Tapi kemudian ... fikir juga ‘Alamak aku ni banyak dosa, *nak* [mahu] berhentilah. Ala nak menyanyi *ni* [ini] apa benda kan. Jadi saya jumpa satu ustaz. Saya cakap *kat* [pada] dia. “Ustaz apa yang saya buat *ni* [ini] macam mana ustaz “ Ustaz *tu* [itu] cakap “Roslan, bukan senang *nak* [mahu] ada *crowd*. *Crowd* *tu* [itu] maksudnya ... pengikut ...

**NA:** Lingkungan? --

**M:** Ada peminat yang tersendiri.

**RM:** Awak mempunyai *crowd* [pengikut] yang tertentu. Jadi gunakan itu untuk ... maksudnya membuat perkara kebaikan. Jadi, sebab itulah saya bila saya nak [mahu] \_\_ nyanyian, terutamanya yang Rasmi Rasman yang rasmikan, syair, gurindam, seloka lagu rakyat. Saya *tak* [tidak] nyanyi lagu-lagu yang selain dari itu kan. Melainkan lagu seronok-seronok, lagu orang kahwin, *karaoke*, yang itu saya belasahlah apa pun.

**RM:** Untuk kita lepaskan *tension* [tekanan] ataupun kerja harian. Betul *tak* [tidak]? tapi untuk persembahan-persembahan rasmi, selalunya saya akan sama ada saya tulis lirik yang khusus tentangdiari pada hari itu, ataupun lagu-lagu ataupun syair gurindam dalam

bentuk yang lebih kepada manusiawi. Itu cerita dia. Berdasarkan yang Ustaz cakap tadi, jadi saya ada *crowd* [pengikut] saya, ada peminat saya \_\_\_\_

**NA: (bunyi mengiyakan)**

RM: *Nak* [mahu] nyanyi untuk seronok-seronok, ataupun orang kata *lagha* [perkara sia-sia]. Tapi macam itulah lebih kurang. *Wallahu alam*. (Suatu kalimah dalam Bahasa Arab yang bermaksud “Allahlah Yang Maha Mengetahui”).

**NA: (ketawa) *Okay* [Baiklah]. Terima kasih. Tadi kita tanya ibu dan bapa, sekarang kita nak [mahu] tanya salasilah keluarga tuan. Nama isteri --**

RM: *Dah* [Sudah] macam *scammer* [penipu] *pulak* [pula].

**NA: (ketawa)**

RM: \_\_\_\_\_ isteri, anak. *Aduh.* (mengeluh)

RM: *Okay* [Baiklah]. *Nak* [Mahu] tanya anak. Saya anak ada *tiga* [3] orang. Yang pertama nama dia Nur Budiman. Sekarang dia Auditor. Maksudnya, kerja dia Akauntan. Mengaudit syarikat-syarikat. Macam tu [itu]. Dia ada di Bangi. Yang kedua, Emilia Erwani. Dia ni [ini] \_\_\_\_\_ mungkin ikut jejak saya. Bukan dia mengikut jejak saya, saya yang *plan* [rancang] dia menjadi begitu. Emei, dia ni [ini] dia bukan penyanyi walaupun dia boleh menyanyi, dia pun sedap menyanyi, tapi dia tak [tidak] menjadi penyanyi, dia ni ... *producer* [penerbit] maksudnya dia pernah kerja kat [di] ASTRO. *Sepuluh* [10] tahun ... *producer* [penerbit] filem. \_\_\_\_\_

**NA: Maknanya dia terlibat dalam aktiviti kegiatan kesenian *jugak* [juga]?**

RM: \_\_ yang awak tengok tu [itu] \_\_\_\_ dia yang buat tu [itu]. Kemudian sekarang ni [ini] dia bekerja di suatu *platform* antarabangsa. VIU (Perkhidmatan Video Atas Talian). VIU *ni* [ini] macam \_\_\_\_

**NA: Oh, VIU.**

RM: Tapi dia *producer* [penerbit]. Dia bukan pelakon, pengarah. Dia *producer* [penerbit] dan dia banyak jugalah menjadi *speaker* [penutur] untuk hal yang berkaitan industri tersebut. Yang ketiga, nama dia Putri. Putri *ni* [ini] dia iklan, bermiaga, bermiaga *online* (atas talian). Saya ada *tiga* [3] anak. Itu dari isteri saya yang pertama. Beliau *dah* [sudah] meninggal baru *ni* [ini] kena *COVID*. (Suatu penyakit berbahaya yang disebabkan virus).

**NA: Oh, salam takziah.**

RM: Isteri saya yang kedua. *Nak* [mahu] tahu ke?

**NA: (ketawa) *takpe* [Tidak Mengapa] cerita *je* [sahaja]. Kita dengar. (ketawa)**

RM: Cerita yang ke *empat* [Ke-4]. Tanya *pulak* [pula] yang keempat [Ke-4] berapa. (ketawa) Isteri saya sekarang ialah Puan Aminah Mokhtar. \_\_ novelis, penulis yang terkenal \_\_ dapat *SEA Write Award* [penghargaan] baru-baru *ni* [ini]

**NA:** Baru-baru *ni* [ini] pun saya ada tengok kat [di] Facebook [Muka Buku] dia ...  
syair ...

**RM:** Aminah Mokhtar ni [ini] dia novelis, dia menulis juga \_ yang lain-lain tapi dia terkenal sebagai novelis dan \_ \_ radio, dia baru dapat *SEA Write Award* [penghargaan] baru-baru *ni* [ini].

**RM:** Apa lagi? Hal peribadi aku [saya] pun kau [awak] nak tanya. \_\_ Jawab *je* [sahaja]  
(Nada bergurau)

**NA:** Okay [Baiklah] Untuk latar belakang *ni* [ini], selain bidang yang tuan ceburi sekarang, tuan ada cita-cita lain ke waktu kecil?

**M:** Sebelum terlibat dalam bidang *ni* [ini]?

**RM:** Okay [Baiklah] Dalam bidang yang saya *serious* [memberi perhatian] ada empat [4] perkara. Bidang nyanyian, nyanyian lagu rakyat tradisional. Kemudian, sastera. Sastera *ni* [ini] \_\_ terutama puisi.

**NA:** Syair?

**RM:** *Nak* [Mahu] bersih, tenteram, menulis puisi. Ketiganya [3], industri filem. Industri filem termasuk drama *tv* [televisyen]. Dari situ saya berlakon, mengarah dan menjadi *producer* [penerbit]. Yang keempat [4], pengacaraan. Saya memang seorang pengacara profesional sebenarnya. Profesional *tu* [itu] maksudnya saya tidak terikat dengan mana-mana tetapi saya jadi pengacara untuk majlis-majlis peringkat kebangsaan, antarabangsa jugaklah [juga] . Tapi majlis-majlis terpilih. Saya *tak* [tidak] ambik

[ambil] semua *job* [kerja]. Jadi empat [4] bidang *ni* [ini] yang saya... setakat *ni* [ini] agak berminat. Bidang lain *tu* [itu] *takdelah* [tiada] .... Empat bidang ni *lah*.

RM: Apa lagi? Apa lagi?

**M: Apa nama panggilan tuan yang dikenali masyarakat?**

RM: Roslan Madun *lah*.

**M: Selain Roslan Madun. Oh , Roslan Madun., takde [tiada] panggilan lain?**

RM: *Takde* [tiada] Kalau Roslan Madun orang kenal *kot* [mungkin]

**NA: (ketawa)**

RM: Orang Pahang kalau *tak* [tidak] kenal Roslan Madun, *tak payah* [tidak perlu] duduk Pahang.

**NA: Apakah motto kehidupan tuan?**

RM: Motto kehidupannya ialah, mendekatkan diri kepada Allah SWT. \_\_\_\_ Tapi dalam bidang seni,

**M: Dalam bidang kesenian.**

RM: ... *Okay* [Baiklah] Dalam bidang seni, ada *tiga* [3] prinsip. Yang pertama [1] seni itu zat yang menyuburkan jiwa manusia. Yang kedua [2] seni itu adalah jambatan *silaturahim* [hubungan persaudaraan]. Yang ketiga [3] seni itu adalah anugerah

dari pada Allah S.W.T. Kenapa dia ada zat pada jiwa manusia? Cuba bayangkan hidup ini *takde* [tiada] seni. Sebagai contohnya, alam *ni* [ini] satu warna *je* [sahaja]. Sebagai contohnya, *takde* [tiada] merah, *takde* [tiada] kuning, satu warna *je* [sahaja]. Hijau *je* [sahaja] semua. Penat juga. Lepastu [Selepas itu] *takde* [tiada] *pulak* [pula] angin yang bertiup yang menyebabkan pohon-pohon itu bergoyang. Tengok pokok keras. *Boring* [bosan] juga kita. Jadi maksud konteks kita sekarang itulah ada nyanyian, ada tarian, ada benda-benda yang menyebabkan jiwa kita rasa segar. Tapi zat yang saya maksudkan itu, zat yang murni. Jadi kesenian-kesenian yang kasar, yang bukan budaya kita, yang memperlihatkan aurat, yang haram di agama kita, itu bukan makanan kita.

**M: (bunyi mengiyakan).**

RM: Sebagai contoh, tari Melayu. Tari Melayu itu indah. Sangat indah. Lemah gumulai. Semua itu. Tapi *tak* [tidak] semestinya kalau menari *tu* [itu] pakai kain koyak. \_\_\_\_\_ mungkin orang. Atas diri masing-masing, ilmu masing-masing. Maksud saya, zat yang menyuburkan jiwa seseorang itu adalah seni, semua cabang seni, semua yang indah. Yang dalam bentuk sama ada bentuk suara, tipikal lemah lembut dan sebagainya. Yang menyebabkan kita rasa hebat dan seronok. \_\_\_\_\_ dalam konteks sebegitu. Kemudian, seni sebagai jambatan *silaturahim* [hubungan persaudaraan]. Melalui senilah, kita sekarang *ni* [ini] pun sedang berhubung melalui kerja seni. Jambatan *tu* (itu) *tak* [tak] semestinya jambatan *kat* (di) Putrajaya *tu* (itu). Itu fizikal. Jambatan *tu* (itu). Maksudnya menghubungkan *silaturahim* [hubungan persaudaraan] secara manusia ke satu manusia yang lain. Jambatan *tu* [itu] *tak* [tak] semestinya dalam konteks \_\_\_\_\_ sahaja. Kadang-kadang melalui seni kita boleh berhubung dengan orang Jepun, Korea dan Indonesia kerana seni jambatan *silaturahim* [hubungan persaudaraan]. *Silaturahim* [hubungan persaudaraan] *tu* [itu] adalah hubungan manusia dengan manusia dalam suasana yang

baik. Yang ketiga [3] seni itu anugerah. Memanglah anugerah Allah S.W.T. saya *takkan* [tidak mungkin] jadi sebeginikalau Allah *tak* [tidak] izinkan. Semua orang pun.

**M & NA: Ya.**

RM: Kalau seni itu boleh dibeli, awak orang pun boleh jadi penyanyi. *Tak* [tidak] boleh belisebab dia anugerah. Itulah hebatnya seni. Anugerah *tu* [itu] ada yang terpilih, ataupun ada yang diberi tetapi tidak ... bakatnya tidak kukuh, maka dia tenggela. Memang macam itu. Macam *tulah* [itulah] lebih kurang. Saya berfalsafah.

**NA: Okay [Baiklah]. Untuk latar belakang pendidikan.**

RM: Latar belakang lagi?

**NA: (ketawa) Yang ini untuk pendidikan *pulak* [pula]. Yang tadi *tu* [itu] peribadi.**

RM: *Okay* [Baiklah] saya *takde* [tiada] pendidikan formal \_\_ diploma \_\_ saya *takde* [tiada] Saya darjah enam [6] saya sekolah menengah agama kemudian saya sekolah *mondok* [institusi pendidikan tradisional Islam] tapi saya \_\_ *nak* [mahu] *survive* [berjuang] terutama dalam penulisan, saya *tak* [tidak] pernah belajar sastera pun secara formal tapi saya *ni* [ini] jenis manusia suka melihat, pergi ke dalam, pergi lapangan contohnya saya jadi pengarah filem, saya bukan pernah masuk sekolah filem pun. Saya *tak* [tidak] pernah pergi luar negara pun belajar filem tapi saya pergi ke \_\_ *akhbar* contohnya saya jadi *driver* [pemandu] hantar artis, saya pergi melihat apa semua \_\_ jadi orang kata saya jadi kuli dalam industri. Saya meningkat sedikit demi sedikit, sebelum saya menjadi pengarah filem. Begitu juga sastera, saya menulis. Saya suka tulis. Saya tulis *je* [sahaja], saya *tak* [tidak] peduli salah hinggalah saya mula menulis puisi dan saya menang hadiah utama. Hampir semua bidang saya tidak ada pendidikan formal. Tapi saya pergi ke

lapangan, saya pergi ke akarnya, saya pergi mengkaji, jumpa tokoh dan sebagainya, di sitolah saya dapat banyak ilmu ataupun pengalaman lebih laju. Jadi di sitolah barangkali, macam sekarang. Saya pun *tak* [tidak] tahu macam mana orang melihat saya tetapi saya pernah jadi pensyarah tamu di Universiti Utara pada sesi *dua puluh dua puluh* [2020] yang lepas. Subjek-subjek dalam puisi tradisional. Sekarang *ni* [ini] saya fele tamu di \_\_\_\_\_ di Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Saya fele tamu. Saya *jugak* [juga] adalah pengurus sastera di Dewan Pustaka sejak dua ribu sebelas [2011]. Kalau di Indonesia, saya pernah diangkat sebagai raja syair \_\_\_\_\_ pada *dua ribu lapan belas* [2018]. Kemudian di Tanjung Pinang, saya dianugerahkan sebagai Mastro Syair oleh Balai Pelestarian Nilai Budaya Tanjung Pinang yang berpusat di Jakarta. Itu adalah penganugerahan dari kerajaan *tu* [itu]. Bukan dari badan swasta. Balai Pelestarian Nilai Budaya dia macam \_\_\_\_\_. Maksudnya dia di bawah \_\_\_\_\_. Anugerah Mastro Syair *tu* [itu] dia di bawah Kementerian Pendidikan Kebudayaan Indonesia. Tapi saya melalui Balai Pelestarian Nilai Budaya Tanjung Pinang. Itu adalah anugerah dari kerajaan *tu* [itu]. Jadi saya pun *tak* [tidak] tahu macam mana datangnya dekat saya sedangkan saya bukannya orang yang layak bukannya ada akademik pun sebenarnya. Tapi mungkin ialah rezeki saya, tuhan *nak* [mahu] bagi saya terima *je*[sahaja]. Mungkin kerana usaha itu, pengalaman itu. Kadang-kadang saya suka majlis-majlis ilmu akhirnya saya di peringkat ini. Saya buat kertas kerja, mengajar, saya mengajar *online* [atas talian] memang banyak sangatlah. Saya menjadi juri di pertandingan peringkat kebangsaan, antarabangsa. Macam itulah. Jadi berdasarkan pengalaman itu, barangkali pengalaman lapangan itu tidak ramai orang, orang kebanyakan belajar secara teori. Jadi pengalaman lapangan itulah yang membawak [membawa] saya ke tahap ini.

## TAMAT BAHAGIAN 1

## **BAHAGIAN 2: KERJAYA**

**NA:** *Okay [Baiklah]. Dari apa yang kami buat kajian sedikit, tuan menubuhkan Anggun Performing Art di Temerloh?*

**RM:** Itu masa [semasa] saya balik Temerloh selama *dua belas* [12] tahun dulu [dahulu].

**NA:** **Pada tahun 2000 eh [betul]?**

**RM:** Ha 2000 sampai 2014. Menubuhkan persatuan lah persatuan tu nama dia Generasi Unique Negeri Pahang. Yang Anggun tu adalah ringkasannya. Tapi persatuan *tu* [itu] *tak* [tidak] hidup lama. *Tak* [tidak] sampai setahun kot [mungkin] sebab organisasi ni susah. Kita nak bergerak bila ... maksudnya kena mesyuarat agung dan segala macam. Akhirnya, saya menubuhkan Anggun Performing Arts. Itu bukan persatuan, itu syarikat. Jadi saya bergerak melalui Anggun untuk kegiatan-kegiatan.

**NA:** **Maaf, saya ingin mencelah. Syarikat tu tuan tubuhkan berapa lama?**

**RM:** Sampai sekarang masih aktif sebenarnya. Tapi syarikat tu lebih kepada untuk kegiatan-kegiatan seni budaya, dia bukan kontraktor atau apapun, bukan. Saya ingat syarikat tu [itu] masih hidup lagi sebab ada lagi kawan saya yang *handle* [uruskan] di Temerloh kan. Maksudnya masih aktif lah. Masih boleh guna.

**NA:** *Okay [baiklah] untuk industri perfileman, tuan masih terlibat kan?*

**RM:** Ya, sekarang ni saya telah menubuhkan syarikat sendiri sebenarnya. Baru siap buat *satu* [1] filem.

**M: Filem apa ya tuan?**

RM: Tajuk dia ‘Pelayaran Sang Maestro’. Filem ni bukan untuk pawagam atau *tv* [televisyen]. Filem ni untuk festival luar negara. Jadi filem ini tentang - - saya hendak mengangkat tentang pertamanya maritim Melayu. Keduanya, perperangan orang Melayu. Kemudian di hujungnya adalah tentang kebangkitan islamiah pada zaman sultanah Lembing. Maksudnya melayu itu sangat hebat sebenarnya. Ada beberapa fakta yang kita kena betulkan. Antara contohnya, tular yang kejatuhan Melaka tu bukannya kejatuhan Melayu seluruhnya. Sedangkan empayar Melaka sangat besar. Kalau dulu takde [tiada] sempadan politik. Jadi Melaka tu sampai ke - -kalau sekarang ni telah menjadi sempadan Riau sumatera melaka tu snagt besar sampai ke kedah besarlah bukan di negeri Melaka yang kita faham negeri melaka yang jatuh ke tangan Portugis tu adala kota Melaka sahaja . Melaka tu sangat besar yang dipaparkan satu –

**NA: Okay [Baiklah] terima kasih. Seterusnya kami nak [hendak] tanya tuan dalam bidang kesenian dan juga sastera. Boleh tuan kongsikan definisi kesenian mengikut perspektif dan sudut pandang tuan?**

RM: (Ketawa) Kesenian tu luas. Kesenian tu dalam konteks apa. Yang sekarang ni orang melihat kesenian, menari, berlakon. Bukan itu. Itu sebahagian daripada kegiatan-kesenian yang sangat besar itu. Semua hal yang berkaitan dengan keindahan alam *tu* [itu] seni lah. Yang paling kita *tak* [tidak] sedar, kejadian manusia itu adalah satu seni yang sangat sangat hebat daripada Allah SWT. Kita kena faham dulu seni tu bukannya menyanyi, berlakon. Dalam konteks yang saya sebut tadi – maka perbincangan kita pagi ni tak cukup. Terlalu sekejap. Kan. Cuma dalam konteks yang awak nak tanya ni berkaitan kegiatan seni saya *kot* [mungkin].

**NA:** Ya.

**RM:** Jadi yang *tu* [itu] saya boleh jawab la. Tanya satu-satu tapi kalau *nak* [mahu] bercakap tentang kesenian, itu akan menjadi topik yang luar biasa. Topik yang - - biar itu di forum yang lain la *kot* [mungkin].

**M:** Ya, betul.

**NA:** *Okay* [Baiklah] Dalam bidang kesenian ni, Tuan memulakan kerjaya sekitar tahun 1989?

**RM:** *Okay* [Baiklah] Saya ada beberapa bidang yang saya terlibat. Di awal dulu saya memang suka pada nyanyian, saya nyanyi lagu rakyat yang orang kenal sampai sekarang *kan* [betul] dan telah menerbitkan album lah. Setakat ni ada *dua belas* [12], *lima belas* [15] album *tak* [tidak] silap saya. Kalau nak ikut jumlah semua mungkin ada *dua puluh* [20] tapi yang *lima* [5] tu mungkin dah kita *rephase* [fasa semula] balik dengan meletakkan *satu* [1] *dua* [2] lagu sebagai penerbitan – tambahan saja lah. Jadi saya memang asal lagu rakyat orang kenal pun, suka lagu rakyat macam *ni* [ini], terutamanya rakyat Pahang malah dalam lagu rakyat itulah saya dilihat sebagai seorang tokoh la terutama bila saya menang di Rusia sebelum-sebelum *ni* [ini] dalam pertandingan lagu-lagu rakyat di Rusia. Saya masa *tu* [itu] dianugerahkan *Diploma Glory of Second Degree. International*. Di mana disertai oleh -- saya difahamkan disertai oleh tiga negara jadi maksudnya saya terpilih salah satu seorang pemenang. Jadi itu bidang lagu rakyat yang orang kenal mungkin lagu saya ada di dalam video, *tv* [televisyen], *Youtube* [Web Pengehosan Video] dan sebagainya, syair-syair, gurindam seloka semua kan – Tapi sebenarnya saya adalah orang sastera. Kebelakangan ini

banyak menulis puisi, kertas kerja, menulis –majalah-majalah dewan pustaka. Ada kumpulan puisi yang saya menang, Sains Mara, ada beberapa lain lagi.

**NA: Boleh tak [tidak] kami tahu mengapakah tuan memilih untuk menerbitkan lagu-lagu rakyat berbanding genre muzik yang lain?**

RM: *Okay* [Baiklah] kenapa saya pilih lagu rakyat sebab dalam lagu rakyat, liriknya ialah tentang kehidupan. Kehidupan manusia sejagat. Dalam alam lain dalam lagu rakyat tu. Kalau tengok dalam lagu-lagu rakyat saya semuanya berkenaan nasihat, anak-anak, nasihat agama. Lepas [Selepas] *tu* [itu] tentang sejarah-sejarah Melayu. Cuma lagu “Lemak Manis” *tu je* [sahaja] la yang liriknya macam lirik orang bercinta. Itupun menggunakan pantun yang bermain dengan metafora, bermain dengan ungkapan-ungkapan yang sastera kan. Jadi saya pilih itu kerana pertama *takde* [tiada] orang yang nak memperjuangkan lagu-lagu rakyat secara komersial, secara yang saya lakukan itu. Maksudnya mungkin ada yang lain-lain tetapi saya memilih untuk mengkomersialkan lagu-lagu rakyat ini dengan tidak merosakkan apa tu dia punya nilainya dan ciri-cirinya. Cuma saya mengikuti teknologi terkini – musik moden dalam lagu rakyat saya ni memberi kesan yang baik kepada generasi muda. Lagu rakyat tu sendiri asalnya *takde* [tiada] musik sangat pun. Kalau asalnya saya main dengan rebana sahaja. Kalau saya buat persembahan di luar negara, saya bawak [bawa] rebana atau kompong je [sahaja]. Dia sangat tradisi la kan. Tapi apabila berdepan dengan generasi masa kini, sekarang pulak [pula] kita ada *internet* dan digital. Saya mengaplikasikan – ke dalam persembahan saya sama ada persembahan pentas ataupun dalam bentuk rakaman. Jadi ianya untuk memudahkan konteks *transfer* [menghantar] ataupun mewariskan kepada generasi muda.

**NA: Okay [ baiklah] berbalik kepada lagu rakyat tadi, daripada bait dan lirik lagu tersebut, secara amnya tuan dapat secara spontan ke macam mana?**

RM: Ada lirik yang saya karang sendiri, sama ada lirik dalam bentuk sejarah, nasihat dan sebagainya. Ada lirik *tu* [itu]datang daripada tokoh-tokoh yang saya jumpa. Maksudnya nyanyikan semula dan diperolehi daripada mereka. Tapi ada lagu-lagu yang saya tulis sendiri seperti lagu ‘Menghilir di Sungai Pahang’, ‘Cinta Megat Panji Alam’, ‘Wanang Seri’ semua saya karang sendiri berdasarkan sejarah yang saya perolehi daripada tokoh-tokoh terdahulu. Sebab saya suka lagu-lagu yang bercorak sejarah *ni* [ini]. Selain itu, pantun-pantun Melayu. Ada pantun yang saya karang sendiri, ada pantun yang saya kutip daripada buku-buku klasik.

**NA: Okay [Baiklah]. Kita masih berada dalam skop lagu-kagu rakyat. Album terakhir yang diterbitkan tuan setakat ini?**

RM: Album terakhir, kompilasi lagu-lagu rakyat oleh perpustakaan awam Negeri Pahang. Dalam *tu* [itu] ada buku—saya *tak* [tidak] ingat ada berapa lagu. Seingat saya kompilasi *tu* [itu] maknanya saya gabungkan lagu-lagu yang pernah dirakamkan daripada 2002 sehingga ke tahun yang – saya ingat itu yang tahun lepas ke .. sebelum COVID [Sejenis penyakit berbahaya] Jadi itu kompilasi lah. Sebelum *tu* [itu] ada keluar album juga, tajuk album *tu* [itu] Tenun Pahang. Tenun Pahang *tu* [itu] lagu yang agak baru. Dalam album *tu* [itu] ada lagu “Tenun Pahang”, ada beberapa lagu lain.

**NA: Untuk rakaman pertama, tuan menggunakan kaset?**

RM: Rakaman pertama 2002 *tu* [itu], ketika itu teknologi .. teknologi rakaman masih kita rakam di studio dan masa *tu* [itu] kaset masih dicetak dalam kaset atau *CD* [Cakera Padat]. Ada dua Itu album pertamalah tapi kaset *tu* [itu] *tak* [tidak] jual pun. Saya ingat saya bagi *kat* [kepada] orang je [sahaja]. Saya *tak* [tidak] ingat. Kita pun *tak* [tidak] – banyak sebenarnya.

**NA: Okay [Baiklah] bahagian kerjaya. Jawatan yang tuan sandang sekarang?**

RM: Saya *freelance* [bebas] sejak tahun dua ribu [2000] dulu. Saya *takde* [tiada] majikan. Saya *tak* [tidak] boleh bekerja dengan orang pun. Saya dulu, bila saya datang *KL* (Kuala Lumpur), tahun 82 [1982], *tak* [tidak] silap saya, saya menjadi wartawan di Karangkraf *tu* [itu]. Itu saya bekerja dengan orang *tu* [itu]. Kemudian, Karangkraf *tak* [tidak] lama *jugak* [juga], tiga [3] tahun, saya berhenti, saya bekerja banyak di syarikat-syarikat penerbitan lain sebagai *editor* [penyunting]. Kemudian, saya terbit suratkhabar sendiri itu pun dekat [di] \_\_\_\_\_ itupun tahun lapan puluh sembilan [1989] *tak* [tidak] silap saya. Dapatlah enam [6] keluaran. *Pastu* [Selepas itu] saya berhenti. Selepas *tu* [itu] saya *takde* [tiada] kerja dengan siapa-siapa. Selepas jawatan *tu* [itu] saya *takde* [tiada] jawatan. Saya *takde* [tiada] jawatan yang *specific* [tertentu] terutama jawatan yang ada kaitan dengan kerajaan.

**NA: Untuk Majils Teater Negeri Pahang dengan --**

RM: Oh, itu saya presidennya. Untuk Majils Teater Negeri Pahang. Dan saya *jugak* [juga] pengurus Persatuan Bitara Syair Melayu Nusantara.

**NA:** Oh, yang di Melaka *tu* [itu]?

**RM:** Melaka mana *pulak* [pula]?

**NA:** Sebagai penyelaras “Program Penghayatan Sastera dan Budaya Negeri Melaka?”

**RM:** Oh, itu *dulu* [dahulu].

**RM:** Pada tahun 2005 sampai 2000 berapa *eh* (cuba mengingati) *tak* [tidak] silap saya sampai dua ribu... sepuluh [2010] *gitulah* [begitulah]. Masa *tu* [itu] Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan “Program Penghayatan Sastera Budaya” di dalam kem-kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN). Subjek dia ialah penghayatan sastera budaya. Saya adalah penggubal, salah seorang penggubal, dia punya penyelaras \_ negeri Pahang dan Negeri Sembilan. Tapi program *tu* [itu] dah *takde* [tiada] dah.

**NA:** *Okay* [Baiklah]

**RM:** Kalau jawatan, saya pernah jadi ahli lembaga Muzium Negeri Pahang. Tapi saya *tak* [tidak] sambung, saya *tak* [tidak] minat. Jawatan-jawatan seperti itu banyak ada, tapi saya *tak* [tidak] minat sangat. *Nak* [mahu] sebut pun macam malas.

**NA:** *Okay* [Baiklah] yang Majlis Teater Negeri Pahang *tu* [itu] ...

**RM:** Saya masih presidennya.

**NA:** *Okay* [Baiklah] Objektif penubuhan tersebut? (ketawa)

**RM:** *Ko* [Kamu] *ni* [ini] tanya, macam teater *nak* [mahu] buat perkembangan teater la. Bukan setakat teater, semua yang berkaitan teater. Jentik-jentik *kang* [nanti] budak *ni* [ini]. (M

& NA, ketawa) Maksudnya, kalau nak tulis adalah, tentang industri filem, matlamat adalah untuk pengembangan teater Negeri Pahang. Sampai pementasan, bengkel dan macam-macam lagi. Pertamanya adalah untuk pengembangan ataupun untuk pembangunan teater Negeri Pahang

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: PENGANUGERAHAN/ PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN**

**NA: Kita akan ke bahagian penganugerahan, pencapaian dan sumbangan. Apakah pencapaian terbesar sepanjang menceburi bidang seni dengan sastera?**

RM: Yang terbesar dekat Rusia tu lah, tajuk di sijilnya bertulis Laurate of the *Second [2] Degree.*

**NA: Yang berlaku pada bulan September?**

RM: Ya, yang itulah. Kalau yang tertinggi yang itulah sebab dia *international* [antarabangsa] kan.

**M: Okay [Baiklah]. Tuan pernah tak [tidak] dikurniakan dengan pengiktirafan daripada pembesar ataupun Sultan?**

RM: Okay [baiklah], saya dah dapat *tiga* [3] pingat. *Satu* [1] pingat dan *dua* [2] anugerah kebesaran.

**NA: Apakah darjah kebesaran yang diterima tersebut?**

RM: PKC, Pingat Khidmat Cemerlang kot PKC ni... Kemudian, AMP iaitu Anugerah Ahmad Shah Pahang, *tak* [tidak] ingat lah *kena* [perlu] baca semula. *Pastu* [selepas itu] yang *last* [terakhir] SMP. *Kejap* [sekejap] lah saya baca dekat dinding. *Korang* [kamu] *ni* [ini] semua nak tanya dah lah saya *tak* [tidak] suka membaca. (ketawa)

RM: Ya-a sekejap. Sabar.- -Darjah kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang, *tu* [itu] dia AMP ini. Yang tu tahun berapa ya? Kejap saya *tengok* [lihat] tahun berapa. 2006 AMP. Yang *satu* [1] lagi, PKC tadi ialah Pingat Khidmat Cemerlang, yang ini 2003. Yang SMP [Setia Ahmad Shah Pahang] yang Mahkota Pahang itu pada tahun 2009 *tak* [tidak] silap saya. Apa lagi? Awak panggil lah saya Datuk ke Datuk Seri ke. (ketawa)

**M: (ketawa) Tuan pernah tak membuat persembahan di negara-negara lain selain daripada Rusia?**

RM: Saya pernah ke negara matahari terbit iaitu Jepun dan China.

**M: Selain itu, pernah *tak* [tidak] lagu-lagu rakyat dan syair Tuan ini disiarkan di siaran radio luar negara?**

RM: Lagu saya memang banyak disiarkan di radio terutama RRI [Radio Republik Indonesia] di sekitar Sumatera, Riau dan Batam. Di Medan juga terutamanya. Saya kalau ke sana sering juga dipanggil untuk berbual secara langsung di radio terutama di radio RRI [Radio Republik Indonesia] Medan, RRI [Radio Republik Indonesia] Aceh dan RRI [Radio Republik Indonesia] Batam. Tempat yang saya pergi *tu* [itu] memang kalau saya datang *je* [sahaja] *dia orang* [mereka] akan panggil ke radio untuk berbual secara

langsung. InsyaAllah lah, saya *ni* [ini] mungkin kerana banyak berhubung dengan pengiat sastera di Indonesia *kan* terutama di sebelah Sumatera dan Riau. Jadi, bila saya ke sana, mereka sambut dengan bawa ke radio *dulu* [dahulu]. Bercakap tentang isu-isu semasa lah. Ianya berkaitan dengan sastera.

**NA: Adakah lagu-lagu tersebut pernah dirakam semula oleh penyanyi luar negara?**

RM: Lagu rakyat saya ada *empat* [4] lagu dirakam semula oleh penyanyi Indonesia. Lagu Lemak Manis, Burung Kenek-Kenek, Tebang-Tebu. Saya *tak* [tidak] ingat la tapi Lemak Manis dengan Burung Kenek-Kenek itu ada, dia ada *empat* [4] lah semua sekali yang dirakamkan di Indonesia.

**M: Pernah *tak* [tidak] Tuan diiktiraf oleh organisasi yang bukan kerajaan?**

RM: Yang bukan kerajaan itu yang Raja Syair dan Nusantara diberikan oleh satu kumpulan bernama Jondola. Jondola *ni* [ini] satu NGO [Non-Government Organization] yang mana keahliannya sangat ramai sebenarnya. Sangat ramai, berpusat di Bengkalis tapi *dia orang* [mereka] *ni* [ini} melalui Internet atau online [atas talian], ramai sungguh *kan*. Mereka mengadakan setiap tahun acara-acara dan sambutan. Mereka mengiktiraf saya sebagai Raja Syair dan Nusantara pada tahun 2018 di Pekan, Renjis.

**NA: Okay [baiklah]. Pertandingan di Rusia, ada lagi *tak* [tidak] negara lain yang Tuan mewakili?**

RM: Saya tidak pernah diwakilkan atau dipanggil sebagai pewakil. Yang saya pergi buat persembahan itu peribadi. Maksudnya, lawatan saya, lawatan kerja atau sebagainya

seperti lawatan pertukaran Belia, Asia macam *tu*. [itu] Jadi, saya itu sebagai wakil delegasi *je* [sahaja] tidak secara rasmi *pun* sebenarnya. Sebab itu, program-program itu bersama NGO [Non-Government Organization] macam itulah. Ada yang juga saya pergi secara bersendirian, saya sampai orang sambut dan *mintak* [minta] buat persembahan.

**NA: Untuk pengiktirafan dan penghargaan, Tuan ada dapat pengiktirafan dan penghargaan daripada USIM [Universiti Sains Islam Malaysia] ya?**

RM: Yang pernah bagi saya iktiraf USIM [Universiti Sains Islam Malaysia]. *Pastu* [selepas itu] di Rompin iaitu Politeknik Rompin dan *satu* [1] lagi NGO [Non-Government Organization] di Perak yang menganugerahkan saya sebagai Raja Lagu Rakyat. *Tapi* [tetapi], yang NGO [Non-Government Organization] ini saya terima lah orang bagi saya terima. *Tapi* [tetapi], USIM ada lah, baru-baru ini daripada MOTAC [Ministry of Tourism Art and Culture] daripada Menteri yang diwakilkan kepada SU [setiausaha] yang saya menang di Rusia itu dan pada *dua puluh satu* [21] ni akan ada *satu* [1] anugerah yang diberi di Pahang. Katanya diberikan oleh Perdana Menteri di Kumai. Saya *tak* [tidak] tahu anugerah apa itu.

**NA: Oh, Kumai. Dekat dah [sudah] dengan tempat saya itu.**

RM: Anugerah *tu* [itu] anugerah khas katanya dalam bidang seni. Saya pun *tak* [tidak] tahu apa tajuk anugerah itu.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: PENDAPAT/ PANDANGAN DAN NASIHAT**

**NA:** Okay [baiklah], ke bahagian pandangan atau nasihat.

**M:** Okay [baiklah] Tuan. Apakah yang Tuan harapkan untuk masyarakat supaya *dia orang* [mereka] lebih menghargai bidang kesenian ini.

**RM:** (ketawa). *Kena* (perlu) Menteri yang bagi nasihat ini. (ketawa) Awak lah orang akademik yang *kena* (perlu) bagi nasihat.

**RM:** Pertama sekali ialah *kena* [perlu] *paham* [faham] *dulu* [dahulu], definisi atau pengertian seni dengan jelas lah *dulu* [dahulu]. Kalau *tak* [tidak] jelas kita *nak* [hendak] nasihat macam mana. Mereka kena faham bahawa seni itu apa. Seni dilihat sebagai hiburan atau pun perkara yang ringan maka tiada erti apa-apa lah. *Tapi* [tetapi] kalau kesenian dilihat di dalam konteks intelektual ianya akan memberikan kesan kepada rohaniah, kepada masa depan kita kan. Jadi, harus faham dahulu tentang kesenian itu harus memberi interpretasi yang tepat tentang kesenian itu *baru* [baharu] lah kita boleh memberi satu makna lain terhadap perjuangan itu *kan*. Kalau tidak nanti tiada apa-apa lah kan. Jadi, fahaman tentang seni itu *kena* [perlu] jelas sebetulnya dahulu. Jika kita faham tentang seni itu maka sedikit sebanyak, dia akan membawa kepada kebenaran iaitu sebagai satu perjuangan yang wajar dilestarikan. Sebagai contoh, apabila saya mengkaji syair akhirnya saya menemui bahawa syair itu menunjukkan bahawa musik tradisional itu berasaskan ciri keagamaan, iaitu isi gurindam yang ditulis mempunyai ilmu tauhid. Diasaskan oleh Raja dan Haji. Kemudian, nazar ini orang yang mengajar ilmu Fiqah. Walaupun dinyanyikan, isinya tentang segala rukun-rukun dalam hidup manusia seperti Rukun Islam, Rukun Iman, Rukun Nikah dan segala macam rukun. Jadi, orang dahulu mengajar nazar sebenarnya *nak* [hendak] mengajar ilmu Fiqah dan syair ada Fardu Ain. Jadi, di situ lah baru kita lihat maknanya seni bukan sekadar kita

dengar orang menyanyi dan berdendang syair *je* [sahaja]. Rupanya isi syair itu ada satu hal yang sangat besar tentang tamadun manusia dan pemikiran, wawasan serta wacana dalam hidup manusia. Kalau kita faham bahawa seni itu wajar dan hampir menjadi wajib untuk kita perjuangkan. Tapi kalau seni itu kita lihat dalam konteks yang tiada apa-apa ianya akan menyebabkan kita rugi. Jadi...kalau nak tanya saya apakah prinsipnya. Pertama, *kena* [perlu] faham dahulu seni itu apa dan seni itu pula banyak genrenya.

**M: Okay [baiklah], secara asasnya masyarakat perlu memahami dahulu apa itu seni. Untuk soalan seterusnya, sepanjang Tuan menceburji bidang ini, ada tak [tidak] kenangan manis atau pun pahit yang tak [tidak] dapat dilupakan?**

RM: ‘Kenangan manis kau dan aku’...(nyanyi)

**NA & M: (ketawa)**

RM: Saya *pikir* [fikir] saya *taknak* [tidak hendak] bercakap tentang kenangan-kenangan pahit. Sebabnya, kenangan pahit pun saya *taknak* [tidak hendak] itu diaggap pahit. Saya anggapnya sebagai cabaran. Saya anggapkan semua manis-manis belaka lah. Sebabnya kan yang manis pun atas kita sebenarnya. Sebagai contohnya, bila saya menyertai pertandingan syair antarabangsa *ni* [ini] sangat manis bagi saya. Jadi, komuniti syair atau keluarga syair saya semakin membesar. Anak-anak syair saya semakin ramai di seluruh Nusantara. Jadi, manisnya disitu. Bukan pertandingan itu dan misalnya kemenangan pertandingan lagu rakyat saya di Rusia itu pun saya tidak pernah terfikir *pun*. Tuhan nak bagi saya rezeki itu akhirnya. Kan, manisnya di situ. Jadi, lagi satu di dalam perjuangan ini, kita jangan lah highlight [menonjol] kan sangat yang pahit itu. Kita tutup sahaja dan anggap lah tiada rezeki atau Allah nak duga kita *kan*. Jadi, *take*

[tidak] perlu kesal, marah dan merasakan pahitnya itu. Kalau *takde* [tiada] pahit manis itu, *tak* [tidak] menarik lah kan.

**NA: Apakah perasaan Tuan terhadap masyarakat yang tidak menghargai kesenian dan warisan budaya negara?**

RM: Saya berasa sebak dan nak marah juga jika bercakap hal berkaitan ini. Hal berkaitan seni dan sastera adalah sesuatu perkara yang tidak wajar diketepikan begitu sahaja. Ianya belum menjadi lebih besar dalam pembelajaran di sekolah. Sayangnya, sastera dan seni semakin dipinggirkan. Kenapa ianya dipinggirkan sekarang? Itu ada lah permasalahannya. Apabila orang menyebut sastera di peringkat universiti, orang akan bercakap sastera itu adalah pilihan yang terakhir. Kenapa ianya menjadi begitu hina? Kenapa sastera itu diletakkan sebagai pilihan terakhir. Bayangkan sastera adalah yang paling hebat iaitu Al-Quran. Jadi, apakah Al-Quran itu satu *mende* [perkara] yang kita boleh anggap sebagai perkara yang biasa sahaja? Jadi, beri tahu *lah* pada orang bahawa sastera adalah sangat dekat dengan Al-Quran.

**M: Okay [baiklah], seterusnya Tuan. Apakah pendapat Tuan tentang kepentingan kita mengekalkan warisan dan budaya yang sedia ada sekarang ni [ini]?**

RM: Bayang *kan lah kalau* [jikalau] sesebuah negara *takde* [tiada] warisan *takde* [tiada] budaya kan. Orang *tiap* [setiap] hari semua berkejar untuk buat *keje* [kerja], *peggi* [pergi] pejabat balik *umah* [rumah], *tak* [pernah] ada yang baca puisi, *takde* [tiada] acara kesenian, *takde* acara... *Boring* [bosan]. Sebuah negara dia mesti ada *mende-mende* [perkara] itu *kan*. Dia *kena* [perlu] ada *lah* untuk keperluan warisan dan sejarahnya yang penting. Sebab orang mementingkan kemajuan. Sebagai contoh, *kalau* [jikalau] Korea kan, kita ke sana *nak* [hendak] cari apa? Bangunan KLCC (Kuala Lumpur City Centre)

kita pun tinggi *jugak* [juga]. Contohnya, macam kita *nak* [hendak] makan Kimchi, maka itulah budayanya. Jadi, kita *nak* [hendak] rasanya. Sekurangnya. Ianya di dalam konteks makanan atau *pun nak* [hendak] *peggi* [pergi] ke pusat perkampungan antrabangsa di mana itulah Korea yang lengkap. Jadi, negara-negara ini dimajukan dengan *mende* [perkara] begini. Cuba Malaysia ini *takde* [tiada] taman, panggung kebudayaan maka ianya akan *boring* [bosan]. Maka, kita *kena* [perlu] hidupkan *tapi* [tetapi] seni itu harus dikawal. Ia tidak terlalu menyimpang daripada hukum-hakam agama. Itu penting *lah*. Macam ceramah agama *pulak* [pula].

**NA:** (ketawa) *Takpe* [tidak mengapa]. Okay [baiklah]. Pada pandangan Tuan wajar ke pendidikan melibatkan kesenian warisan dan kebudayaan dipraktikkan daripada pendidikan rendah?

**RM:** Wajib. Sekarang masalahnya sistem pendidikan kita terlalu ketat. Bagi saya *tak* [tidak] wajar itu. Budak-budak sekolah darjah *satu* [1] dah mula mengajar Matematik, nak mengajar Bahasa. Sepatutnya di peringkat umur *satu* [1], *dua* [2], *tiga* [3] *tu* [itu] ajar mereka bermain. Kerana di dalam permainan itu, diselitkan dengan nilai-nilai tadi. Sebagai contohnya, nak ajar Matemik, ajar *lah* menyanyi yang menyebut bilangan. *Kan dulu* [dahulu] ada lagu *sepuluh* [10] budak hitam... Itu adalah lagu-lagu untuk mengajar anak-anak tahu membilang *kan*. Tolak menolak *kan*. Ada lagu-lagu *dulu* [dahulu] yang menerapkan nilai Matematik, tatabahasa dan sebagainya. *Tapi* [tetapi] pada awal darjah *tiga* [3] lagi pun dah mengajar Matemik serta Bahasa. Kenapa di peringkat ini, kita menekan jiwa mereka. Sepatutnya, kita meyuburkan jiwa mereka dengan melakukan hal-hal kesenian dan kesenian itu juga haruslah mengarah kepada akademik. Didiklah dengan lagu kesenian yang mempunyai nilai bahasanya dan Matematiknya. Jadi,

menerapkan nilai itu ke dalam jiwa anak-anak terutama di peringkat rendah adalah penting. Berbalik kepada zaman saya *dulu* [dahulu], anak-anak iaitu kami diajar banyak tentang kesenian. *Tiap* [setiap] kali *nak* [hendak] balik sekolah, cikgu akan panggil ke depan. ‘Mari, Roslan kita nyanyi’ ataupun ‘siapa yang nak nyanyi lagi?’. *Mende* [perkara] itu akan menyuburkan jiwa kita dan untuk menjadikan anak-anak kita manusawi. Terlalu banyak subjek akan menyebabkan *dia orang* [mereka] *stress* [tekanan] kerana sistem pendidikan kini hanya mementingkan *ranking* [kedudukan]. Secara asasnya, seni *tu* [itu] penting. Cuba bayangkan seorang guru mengajar sambil menyanyi dan bergurau tentulah murid akan suka padanya. Itulah merupakan seninya iaitu seni berbahasa.

**M:** Okay [baiklah], Tuan. *Nak* [hendak] *last* [terakhir] *dah* [sudah] *ni* [ini]. (ketawa) Pada pendapat Tuan *lah kan*, kita sekarang berada di zaman moden *ni* [ini]. Wajar *tak* [tidak] Youtube dan Instagram semua *tu* [itu] digunakan untuk mempromosikan warisan seni dan budaya kita ni [ini]?

**RM:** Sangat wajar. *Tapi* [tetapi] bagaimana kita nak gunakan. Masalah sekarang banyak penyalah gunaan. Aplikasi itu dicipta bukan untuk buat *mende* [perkara] *tak* [ tidak] senonoh. Dia yang menyediakan aplikasi, kita *lah* yang menentukan kontennya.

**M & NA:** Ya, betul.

**RM:** Jika tiada aplikasi- aplikasi ini, bagaimana dunia *nak* [hendak] mengenali dan *tau* [tahu] atau orang Rusia *tau* [tahu] saya seorang penyanyi. Mereka melihat Youtube. Jadi, maksudnya kita guna *kan lah* aplikasi tersebut tapi kita menggunakan dengan wajar. Masalah orang nak guna *kan* dengan cara tidak betul itu terserah *dia orang* [mereka] *lah*. *Tapi* [tetapi] kita sebagai orang akademik, janganlah menyalahkan Tiktok atau

Youtube misalnya dan segala aplikasi lain kalau masyarakat kita runtuh kerananya. Itu ada *lah* kerana orang yang tidak menggunakannya dengan betul. Jadi, pendidikan di sekolah haruslah menekan *kan* penggunaan aplikasi wajar digunakan dengan betul, ianya adalah untuk menghubungkan dengan dunia luar. Kita tidak boleh menolak teknologi kerana ianya masuk ke rumah kita setiap hari. Ianya akan berubah dari hari ke hari. *Sepuluh* [10] tahun akan datang, mungkin ada yang lebih canggih daripada itu. Bagi saya, walaupun saya orang tradisi *tapi* [tetapi] bagi saya teknologi itu penting.

**M:** *Okay [baiklah] Tuan. Kalau kita tengok [lihat] sekarang ni [ini], masyarakat muda terutamanya banyak lebih cenderung ke arah musik barat. Pada pendapat Tuan apakah cadangan dan langkah yang boleh dilakukan untuk mengetengahkan kesenian pada masyarakat kini?*

**RM:** *Okay [baiklah]. Kesenian luar atau *pun* budaya barat bukan semuanya *tak* [tidak] bagus. Banyak yang bagus. Cuma kadang-kadang kita *tak* [tidak] *paham* [faham] dan meragui. Sebagai contohnya, *dulu* [dahulu] heboh dengan musik Blues. Kita *pun* marah *lah* sebab terpengaruh dengan musik luar. Kita tau tak musik Blues tu dicipta oleh orang Negro kerana nak protes priseden mereka yang dianggap zalim kepada kaumny. Jadi, maksudnya musik ini adalah perjuangan mereka untuk memproses pemimpin mereka. Maka, lagu dalam musik Blues itu ada *lah* protes. Kemudian lirik lagu ini diolehr semula oleh orang kita dengan menggunakan lirik cinta yang tidak mempunyai makna. Oleh itu, terserah kepada kita untuk memilih tidak semua daripada luar adalah tidak baik. Segala nilai-nilai murni yang terdapat didalam setiap bait lagu luar mahu *pun* negara kita seharusnya dipraktikkan. Jangan terlalu asyik kepada lagu barat yang tidak bermoral kerana banyak lagu tersebut yang bermoral.*

**M:** *Okay [baiklah] Tuan. Sebagai penutup kita punya temubual ini- -*

**RM:** Dari tadi *nak* [hendak] tutup, *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] tutup-tutup lagi.

**NA & M:** **(ketawa)**

**M:** **Bagaimana bidang sastera dan kesenian ini memberikan impak terhadap kehidupan Tuan?**

**RM:** *Okay [baiklah] begini. Bila* [apabila] sebut sastera, saya lebih kepada sastera tradisi sebab saya *jugak* [juga] banyak membaca dan berpendapat dengan sasterawan negara. Sastera tradisi itu adalah pemungkin sastera moden pada masa sekarang. Tanpa sastera tradisi *tu* [itu], *tak* [tidak] wujud *lah* sastera moden pada hari *ni* [ini]. Jadi, *bila* [apabila] saya *peggi* [pergi] ke sastera klasik sangat jelas tentang hubungan manusia dengan Allah SWT [Subhanahu wa ta'ala], tentang hubungan manusia dengan agamanya, tentang hubungan manusa dan rohaniahnya yang ada di dalam gurindam, syair dan nazar. Saya dah tulis *mende* [perkara] ini dalam Majalah Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi, maksudnya di situ *lah* kenapa saya berada di sini. Saya masih tidak lepas *kan* bidang sastera ini dan dalam puisi moden sebenarnya *pun* masih ada hal-hal yang berkaitan. Keduanya, sastera ini tidak pernah menipu sehingga menghuru-harakan sesebuah negera. Kesemuanya cerpen dan novel, puisi dan sebagainya dihujungnya adalah untuk melihatkan sebuah bangsa yang hebat, dihormati dan bermaruah. Hampir semua hal bidang penulisan sastera ke arah itu untuk mewujudkan bangsa yang bertamadun. Saya *dah* [sudah] tulis *dah* [sudah] tentang bagaimana dan kenapa irama syair itu hujungnya mempunyai ritma yang sama. Sebabnya beberapa surah didalam Al-Quran mempunyai ritma yang sama ataupun hujung ayatnya sama. Jadi, saya berpandangan secara peribadi, syair itu dikarang oleh ulama-ulama terdahulu berdasarkan atau berunsurkan

ayat-ayat Al-Quran tersebut. Maka, jadi *lah* syair kita pada hari ini yang mempunyai ritma yang sama. Jadi itu diambil sebagai contoh, maka sastera sangat dekat dengan Al-Quran. Saya sebagai orang biasa yang tiada ilmu dan pelajaran termasuklah daripada segi akademik iaitu diploma dan sebagainya saya sedih bahawa sastera semakin *takde* [tiada] dan dipinggirkan di peringkat universiti. Ianya jadi seolah *mende* [perkara] yang tiada pilihan. Secara amnya, semua pembelajaran diperingkat universiti melibatkan sastera.

**M: Ya, betul.**

RM: Semuanya berkait dengan sastera sebenarnya *kan*. Ilmu-ilmu perubatan iaitu kedoktoran, didalam Bahasa Melayu juga ada ilmu perubatan yang sangat banyak. Jadi, didalam sastera ada ilmu perubatan yang telah dijelaskan oleh penulis-penulis sastera *dulu* [dahulu]. *Pucuk pauh delima batu, anak sembilang di tapak tangan, walaupun jauh di negeri satu, hilang di mata di hati jangan.* Pucuk puah dan pucuk delima itu kalau di ramas dia akan menjadi ubat. Jadi, kenapa menolak sastera? Jika nak bercakap tentang perkara ini saya berasa nak marah dan sebak *pun* ya. Kenapa kerajaan tidak mengangkat sastera ini seperti bidang yang lain? Bagi saya, sastera itu ibarat nyawa kita. Sastera itu perkara yang plaign penting dalam kehidupan manusia sebab dalam sastera itu melibatkan terlalu banyak hal. Jadi itu *lah* dia ceramah dan tazkirah daripada saya untuk pagi ini. (ketawa) Okay [baiklah]. Ada apa lagi? Cuba fikirkan kembali. Betul *take* [tidak]?

**NA:** (ketawa). Ya, betul. Masa kami di tingkatan enam [6] dulu [dahulu] pun di bidang sastera jugak [juga]. Macam ramai orang perlekehkan kenapa ambil bidang sastera ketika itu.

**RM:** Jangan menolak sastera. Jangan perlekehkan. *Nak* [hendak] ambil bidang lain, ambil lah. Jangan perlekehkan sastera kerana sastera itu dia hidup sebenarnya. *Okay* [baik]. Selain pada itu ada apa lagi?

**M:** (ketawa). Soalan semua insyaAllah *dah* [sudah] terjawab.

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

Jadi Tuan, kita akhiri temubual ini dengan nyanyian daripada Tuan ya. Seterusnya, kami hendak hantarkan sedikit cendera hati kepada Tuan di alamat urusan 26-1, Jalan 4/1 Seksyen 4, Bandar Rinching, Semenyih di atas nama Roslan Madun. Kami rasa sampai disini sahaja temubual kita pada pagi ini. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Roslan Madun kerana sudi meluangkan masa hujung-hujung minggu ini untuk kami. Terima kasih banyak tuan diatas kesudian untuk ditemubual.

# **LAMPIRAN**

---

## LOG TEMUBUAL

Nor Anita binti Muhamad Nazri dan Mardina Binti Su Halim menemubual Tuan Roslan Bin Madun, yang dilahirkan pada tahun 1952, di Pahang. Temubual dijalankan di rumah Nor Anita binti Muhamad Nazri, Bera Pahang, mengenai sejarah beliau sebagai seorang tokoh dalam bidang seni yang aktif dalam memperjuangkan lagu-lagu rakyat dan sastera.

MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
03.35	Sesi penceritaan mengenai informasi peribadi seperti nama, tempat lahir, tarikh lahir, dan ringkasan pendidikan	Roslan Madun
04.06	Sesi penceritaan mengenai aktiviti dalam bidang kesenian secara umum dan ringkas	Roslan Madun
21.10	Lokasi keberadaan tokoh	Roslan Madun
21.39	Kesinambungan penceritaan mengenai informasi peribadi tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama ibu: Siti</li> <li>• Nama bapa: Haji Madun Haji Syukor</li> <li>• Adik-beradik – 13 orang</li> <li>• Isteri – Aminah Mokhtar</li> <li>• Anak – Nur Budiman, Emilia Erwani dan Putri</li> <li>• Cita-cita – sasterawan dan karyawan</li> <li>• Nama panggilan – Roslan Madun</li> <li>• Motto Kehidupan –           <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mendekatkan diri kepada Allah (umum)</li> <li>ii) Seni itu zat, seni itu jabatan silaturrahim, seni itu anugerah</li> </ul> </li> </ul>
34.53	Latar belakang Akademik	- Tiada pendidikan formal

MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 2: KERJAYA</b>		
<b>07.15</b>	Pertanyaan umum mengenai penubuhan syarikat Anggun Performing Art	Roslan Madun
<b>07.26</b>	Sesi penceritaan mengenai penubuhan syarikat Anggun Performing Art bermula.	Roslan Madun
<b>08.49</b>	Pengesahan penglibatan dalam industri perfileman	Roslan Madun
<b>11.40</b>	Kefahaman tentang bidang kesenian	Roslan Madun
<b>15.26</b>	Lagu-lagu rakyat	Roslan Madun
<b>39.12</b>	Jawatan terkini	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Seorang <i>freelance</i></li> <li>- Tiada majikan</li> <li>- Presiden Majlis Teater Negeri Pahang</li> <li>- Pernah menjadi ahli lembaga Muzium Negeri Pahang</li> </ul>

MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 3: PENGANUGERAHAN/ PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN</b>		
<b>42.27</b>	Pencapaian terbesar sepanjang mencebur i bidang seni dengan sastera?	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapat sijil bertulis Laurate of the <i>Second [2] Degree</i> di Rusia.</li> <li>- Mendapat PKC, Pingat Khidmat Cemerlang</li> <li>- Mendapat AMP iaitu Darjah kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang</li> <li>- Mendapat SMP iaitu Setia Ahmad Shah Pahang.</li> <li>- Lagu yang diterbitkan disiarkan di RRI [Radio Republik Indonesia] di sekitar Sumatera, Riau, Batam dan Medan</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Diiktiraf sebagai Raja Syair dan Nusantara oleh Jondola (NGO)</li> <li>- Diiktiraf oleh USIM [Universiti Sains Islam Malaysia] dan MOTAC [Ministry of Tourism Art and Culture]</li> </ul>
42.27	Pencapaian terbesar sepanjang mencebur i pada bidang seni dengan sastera?	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapat sijil bertulis Laureate of the <i>Second [2] Degree</i> di Rusia.</li> <li>- Mendapat PKC, Pingat Khidmat Cemerlang</li> <li>- Mendapat AMP iaitu Darjah kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang</li> <li>- Mendapat SMP iaitu Setia Ahmad Shah Pahang.</li> <li>- Lagu yang diterbitkan disiarkan di RRI [Radio Republik Indonesia] di sekitar Sumatera, Riau, Batam dan Medan</li> <li>- Diiktiraf sebagai Raja Syair dan Nusantara oleh Jondola (NGO)</li> <li>- Diiktiraf oleh USIM [Universiti Sains Islam Malaysia] dan MOTAC [Ministry of Tourism Art and Culture]</li> </ul>

#### BAHAGIAN 4: PENDAPAT/ PANDANGAN DAN NASIHAT

50.26	Bahagian pandangan atau nasihat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengertian seni harus difahami dengan jelas.</li> <li>- Warisan seni kebudayaan hendaklah dikekalkan.</li> <li>- Pendidikan kesenian wajib dipraktikkan.</li> </ul>
-------	----------------------------------	--

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA
<b>10.00pg- 3.00ptg</b>	04-05/11/2021	Memulakan carian awal di internet mengenai biodata, sejarah kehidupan dan anugerah yang diperolehi oleh tokoh serta laman sesawang rasmi Roslan Madun iaitu aplikasi Facebook, Youtube dan Instagram rasmi beliau.
<b>9.13pg</b>	06/11/2021	Menghubungi tokoh di laman rasmi Facebook beliau namun tidak mendapat sebarang respon.
<b>8.45pg</b>	08/11/2021	Menghubungi tokoh di Whatsapp rasmi beliau dan bersetuju untuk ditemui bual namun tiada respon untuk penetapan tarikh temubual.
<b>11.07pg</b>	09/11/2021	Menghubungi tokoh untuk penetapan tarikh dan platform namun tiada respon
<b>11.59pg</b>	11/11/2021	Beliau bersetuju dengan penetapan tarikh dan platform bagi menjalankan sesi temubual.
<b>3.48ptg</b>	12/11/2021	Senarai soalan temubual dihantar kepada tokoh.
<b>10.00pg</b>	13/11/2021	Sesi temubual telah dilaksanakan bersama tokoh Roslan Madun melalui panggilan telefon.
<b>11.00mlm</b>	22/11/2021	Penghantaran penulisan abstrak, proposal dan ‘preliminary preparation’ kajian.
<b>11.00mlm</b>	02/12/2021	Penghantaran senarai soalan temubual.
<b>11.00mlm</b>	10/02/2022	Penghantaran penulisan artikel, medium dan peralatan rakaman dan diari kajian.
<b>11.00mlm</b>	14/02/2022	Penghantaran transkrip kajian sejarah lisan.
<b>11.00mlm</b>	28/02/2022	Penghantaran penulisan penuh transkrip dimulai daripada kulit muka sehingga bukti lampiran.

## SENARAI SOALAN TEMUBUAL

### 1) LATAR BELAKANG TOKOH

#### i) Latar belakang peribadi:

1. Sebelum memulakan sesi temubual yang penuh bersejarah ini, bolehkah kami mengetahui nama penuh tuan?
2. Apakah nama panggilan tuan yang dikenali oleh masyarakat?
3. Selain itu, bolehkah tuan kongsikan kepada kami mengenai tarikh dan tempat tuan dilahirkan?
4. Berapakah umur tuan pada tahun ini?
5. Di manakah tuan menetap ketika ini?
6. Sewaktu masih kecil, di manakah tuan dibesarkan?
7. Siapakah nama ibu dan bapa tuan?
8. Berapakah bilangan adik-beradik tuan?
9. Adakah adik beradik tuan turut terlibat didalam bidang ini?
10. Boleh kongsikan kepada kami status tuan ketika ini?
11. Siapakah nama isteri tuan?
12. Berapakah usia isteri tuan ketika ini?
13. Apakah isteri tuan turut menceburkan diri didalam bidang kesenian?
14. Sekiranya tidak, apakah pekerjaan pasangan?
15. Adakah tuan mempunyai anak dan berapa bilagannya?
16. Berapakah umur anak-anak tuan dan pekerjaan apakah yang mereka ceburi ketika ini?
17. Adakah anak-anak turut meminati bidang yang tuan ceburi?
18. Sekiranya ada, berapa orang yang terlibat?
19. Selain daripada bidang yang diceburi sekarang, apakah cita-cita tuan sewaktu kecil?
20. Selain daripada bidang yang diceburi sekarang, adakah tuan mempunyai hobi lain yang diminati?
21. Siapakan idola yang diminati oleh tuan?
22. Mengapa tuan meminati dan mengidolakannya?
23. Apakah motto kehidupan tuan?

- ii) Latar belakang pendidikan:
24. Di manakah tuan mendapatkan pendidikan rendah?
  25. Di manakah tuan mendapatkan pendidikan menengah?
  26. Pada tahun bilakah tuan memulakan persekolahan rendah dan pada tahun bilakah tuan memulakan pendidikan menengah?
  27. Boleh kongsikan kepada kami serba sedikit mengenai zaman persekolahan tuan pada ketika itu?
  28. Apakah cabaran yang di hadapi semasa tuan mendapatkan pendidikan pada ketika itu?
  29. Adakah sebarang kisah pada zaman persekolahan yang mendorong tuan untuk menceburi bidang ini?
  30. Adakah tuan melanjutkan pengajian di peringkat tinggi?

## 2) KERJAYA

- i) Pengalaman pekerjaan:
31. Selepas tamat belajar, apakah pekerjaan yang dilakukan oleh tuan?
  32. Apakah bidang pertama yang diceburi sejurus menamatkan pengajian?
  33. Boleh kongsikan kepada kami, mengapa tuan memilih bidang itu untuk diceburi berbanding bidang yang lain?
  34. Adakah tuan masih meneruskan pekerjaan yang melibatkan bidang kesenian ini?
  35. Adakah tuan menyandang apa apa jawatan ketika ini?
  36. Boleh kongsikan pada kami sedikit mengenai kegiatan kesenian dan kesasteraan yang diceburi oleh tuan?
- ii) Mengenai bidang kesenian dan sastera:
37. Apakah definisi kesenian mengikut perspektif dan sudut pandang tuan?
  38. Pada tahun bilakah tuan memulakan kerjaya di dalam bidang ini?
  39. Bagaimana bidang sastera dan kesenian memberikan impak dalam kehidupan tuan?
  40. Bagaimana tuan boleh meminati bidang kesenian dan sastera ini?
  41. Bagaimanakah tuan memperolehi idea dalam menyedikan lirik dan bait yang puitis untuk lagu rakyat tuan?

42. Mengapakah tuan memilih untuk mengembangkan budaya dan warisan melalui nukilan, syair dan puisi tradisional?
43. Apakah sebab utama tuan memperjuangkan lagu-lagu rakyat?
44. Mengapakah tuan memilih untuk menerbitkan lagu-lagu rakyat berbanding genre muzik yang lain?
45. Berapakah album yang telah diterbitkan oleh tuan sehingga kini?
46. Apakah album terakhir yang diterbitkan oleh tuan setakat ini dan bilakah ianya dilancarkan?
47. Bagaimanakah cara rakaman pertama lagu rakyat tuan dilakukan?
48. Pada tahun bilakah tuan memulakan rakaman pertama untuk lagu rakyat?
49. Lagu rakyat yang manakah seringkali didendangkan di siaran radio sehingga ke hari ini?
50. Apakah cara yang tuan lakukan untuk terus memperkenalkan warisan dan budaya kepada masyarakat?
51. Boleh ceritakan kepada kami, mengapa tuan memilih untuk menubuhkan Anggun Performing Arts?
52. Apakah servis dan perkidmatan yang disediakan oleh Anggun Performing Arts?
53. Adakah Anggun Performing Arts melahirkan ramai bakat yang melibatkan bidang kesenian ini?
54. Adakah tuan aktif dalam memberikan bimbingan lagu rakyat dan puisi tradisional di sekolah, maktab dan universiti?
55. Sebagai seorang juri dalam pertandingan melibatkan kesenian tradisional, apakah kenangan manis yang tuan dapat kongsikan?
56. Apakah peranan Festival Temerloh yang diadakan selama 5 tahun berturut?
57. Adakah tuan pernah melibatkan diri di dalam industry profileman?
58. Apakah filem yang melantik tuan sebagai pengarah seni pada tahun 1986?
59. Apakah tugas kerja yang dilakukan oleh tuan ketika berjawatan sebagai pengarah seni tersebut?
60. Adakah tuan masih meneruskan kerjaya yang melibatkan industry profileman ini?

61. Apakah objektif daripada penubuhan Majlis Teater Negeri Pahang?
62. Apakah peranan Majlis Teater Negeri Pahang?
63. Sehingga kini, adakah tuan memegang jawatan yang tertinggi di dalam Majlis Teater Negeri Pahang?
64. Sebagai ahli lembaga pengarah Muzium Negeri Pahang, adakah terdapat cabaran semasa tuan memegang jawatan ini?
65. Sebagai penyelaras program penghayatan sastera dan budaya negeri Melaka, adakah terdapat kisah pahit semasa tuan memegang jawatan ini?
66. Selain menyanyi, adakah tuan sering terlibat dalam bidang pengacaraan?

### **3) PENGANUGERAHAN/ PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN**

- i) Pengiktirafan yang diperoleh sepanjang karier didalam bidang kesenian:
  67. Apakah pencapaian terbesar yang diperolehi oleh tuan sepanjang menceburい bidang seni dan sastera ini?
  68. Adakah terdapat anugerah yang diperolehi tuan berkaitan kategori puisi?
  69. Adakah terdapat anugerah yang diperolehi tuan berkaitan kategori syair?
  70. Adakah terdapat anugerah yang diperolehi tuan berkaitan kategori nyayian?
  71. Adakah tuan pernah dikuarniakan pengiktirafan daripada pembesar-pembesar atau Sultan?
  72. Apakah darjah kebesaran yang telah dikurniakan tersebut?
  73. Pernahkah tuan dijemput untuk mengendalikan ceramah berkaitan warisan dan budaya di peringkat pendidikan atau masyarakat?
  74. Pernahkah tuan diiktiraf oleh organisasi badan bukan kerajaan?
  75. Pernahkah tuan mewakili Malaysia di peringkat antrabangsa?
  76. Pernahkah tuan mendapat anugerah pengiktirafan daripada pertandingan anjuran luar negara?
  77. Sebagai wakil negara dalam pertandingan berkaitan kesenian, negara manakah telah dilawati oleh tuan untuk bertanding?
  78. Di manakah berlangsungnya Konsert Gala yang telah diwakili oleh tuan pada September yang lalu?

79. Apakah jawatan tertinggi yang telah disandang oleh tuan pada ketika ini?
80. Pernahkan lagu-lagu rakyat dan syair milik tuan di siarkan di siaran radio luar negara?
81. Adakah lagu-lagu rakyat milik tuan pernah dirakamkan semula oleh penyanyi daripada luar negara?
82. Adakah tuan pernah melakukan sebarang kerjasama dengan organisasi yang lain dalam menganjurkan sebarang festival kesenian dan kebudayaan?
83. Adakah tuan mendapat pengiktirafan untuk melakukan persesembahan kesenian di luar negara?
84. Pernahkah tuan mendapat pengiktirafan dan penghargaan daripada pihak Universiti pendidikan di Malaysia?
85. Pernahkan tuan melakukan persesembahan di negara matahari terbit?
86. Pernahkah tuan melakukan persesembahan di negara maju seperti China dan Korea?
87. Pernah tuan melakukan persesembahan di negara Asia yang lain?
88. Adakah tuan telah memberikan kemenangan kepada Malaysia sebagai wakil daripada bidang kesenian?

#### **4) PENDAPAT/ PANDANGAN/ NASIHAT**

##### **i) Nasihat dan pandangan yang dapat dikongsikan:**

89. Apakah harapan tuan untuk masyarakat lebih menghargai bidang ini?
90. Apakah kenangan manis dan pahit yang tidak dapat dilupakan sepanjang menceburι bidang ini?
91. Nasihat tuan untuk mengajak lebih ramai anak muda menceburι bidang ini?
92. Pada pandangan tuan, adakah semua orang boleh menceburι bidang ini?
93. Pada pandangan tuan, mengapakah tidak ramai yang meminati bidang ini?
94. Apakah perasaan tuan terhadap masyarakat yang tidak menghargai kesenian dan warisan budaya negara?

95. Pada pendapat tuan, adakah penting untuk mengekalkan warisan dan budaya yang sedia ada?
96. Pada pendapat tuan, wajarkah pendidikan melibatkan kesenian, warisan dan kebudayaan haruslah dipraktikkan dari peringkat pendidikan rendah?
97. Pada pendapat tuan, aplikasi teknologi yang ada sekarang seperti Youtube, Facebook dan Instagram adakah ianya membantu dalam mempromosikan warisan seni budaya kepada masyarakat?
98. Apakah cadangan dan langkah yang boleh dilakukan dalam mengetengahkan kesenian dan sastera kepada masyarakat?
99. Adakah terdapat cara untuk mempopularkan semula lagu-lagu rakyat pada zaman yang moden kini?
100. Apakah nasihat tuan kepada masyarakat luar yang tidak menghiraukan bidang kesenian ini?



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya NOR ANITA BINTI MUHAMAD NAZRI

K/P pada 14/02/2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik.

Nama peserta kajian: Roslan Madun  
Tarikh: 28/02/2022

Pensyarah: Nor kamariah Bt Chik  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA.


## GAMBAR



Gambar 1: Roslan Madun menyampaikan ucapan di Bengkel Syair Ke-2 anjuran Perkumpulan Seni Singapura dengan kerjasama Nasional Library dan Ombak Productions.



Gambar 2: Anugerah Khas Seni yang diberikan kepada Roslan Madun




Gambar 3: Roslan Madun Sang Maestro



Gambar 4: Roslan Madun ketika mula bertugas sebagai juri di Festival Teater MAKUM akhir



Gambar 5: Anugerah “Laureate of the II Degree yang dimenangi Roslan Madun



Gambar 6: Anugerah S.E.A Write Award yang dimenangi isteri Roslan Madun, Puan Aminah Mokhtar



Gambar 7: Sesi sejarah lisan melalui panggilan telefon bersama Encik Roslan Madun



Gambar 8: Sesi sejarah lisan melalui panggilan telefon bersama Encik Roslan Madun

## **INDEKS**

### **A**

- Abad 6  
Adik-beradik 16  
Akademik 22,36, 40,41,44, 48  
Anggun 24, 48  
Anugerah 21,22, 23, 62  
Artis 12, 22  
Auditor 18

### **B**

- Bakat 22  
Bangsa 23,32,39, 44, 55  
Bidang 10,12,14,17,21,45,54  
Budaya 12,15,23,39,41,50, 55

### **F**

- Fardu 37  
Filem 10, 15, 18, 20, 23, 25

### **I**

- Isteri 19

## **M**

Motto 21

Musik 12, 28, 37, 42

## **P**

Pendidikan 22, 40, 42, 48,

Puisi 12, 14, 20, 23, 27, 39

Producer 18

Profesional 20

## **S**

Sastera 10, 12, 15, 20, 22, 23, 27, 31, 38, 43, 57,

Seni, 21, 36, 37, 43, 48,

Smoke Clear 15

Syair 12, 13, 20, 23, 27, 30, 34, 36, 37, 44

## **T**

Tari 12, 21, 23

Tenun 29

Tokoh 15, 26, 28, 50

Tradisional 10, 14, 20, 23, 53

## **Z**

Zat 21

## **GLOSARI**

Bangsa	Sekumpulan manusia yang mempunyai persamaan seperti keturunan, segi bahasa, adat resam, kesenian, dan pengalaman sejarah. Ia jenis manusia daripada satu asal keturunan sama ada Melayu, India, Cina dan lain lain.
Lagu Rakyat	Lagu rakyat masyarakat Melayu adalah lagu-lagu atau nyanyian yang berasal dari sesuatu kawasan dalam Alam Melayu tidak kira kawasan itu terletak di negara Malaysia, Indonesia atau Brunei.
Musik	Gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan, bunyi-bunyian yang dihasilkan oleh pemuzik ahli \ muzik, pemain alat muzik, atau pengubah muzik.
Sastera	Merujuk kepada hasil seni yang disampaikan melalui bahasa. Pada erti kata yang lebih luas, kesusteraan boleh dimaksudkan sebagai segala pengucapan yang indah-indah, sama ada ia tertulis atau tidak. Ianya lahiriahnya wujud dalam masyarakat manusia melalui bentuk tulisan dan juga wujud dalam bentuk lisan.

Seni	Seni adalah suatu ciptaan atau ekspresi terhadap sesuatu yang dianggap indah. Ia memenuhi keperluan-keperluan naluri estetik dan fizikal manusia yang dipengaruhi oleh faktor-faktor keagamaan, kebudayaan, ruang dan masa.
Silaturahim	Silaturahim adalah sebuah kata yang sudah sering digunakan. Berasal dari dua kata, yaitu silah yang artinya tali atau hubungan dan rahim yang artinya kasih sayang. Dari dua kata itu, silaturahim sering diartikan sebagai 'menyambung tali kasih sayang atau tali persaudaraan.' Istilah ini sudah dipakai untuk saling mengunjungi keluarga, relasi, tetangga, serta teman yang dekat maupun jauh.
Tradisional	Perkataan 'tradisional' digunakan sebagai kata sifat untuk diterapkan kepada segala sesuatu yang berkaitan dengan tradisi atau masyarakat, masyarakat atau masyarakat. Tradisi ini biasanya diturunkan dari generasi ke generasi sebagai sebahagian daripada warisan nenek moyang dan boleh memasukkan semua jenis nilai, kastam, cara pemikiran, kepercayaan dan amalan.

Warisan

Warisan budaya ialah peninggalan artifak fizikal dan ciri tidak ketara sesebuah kelompok atau masyarakat yang diwarisi daripada generasi terdahulu, dikekalkan pada masa kini serta dipelihara untuk generasi akan datang. Warisan-warisan ini termasuk budaya yang tampak ketara misalnya bangunan, monumen, buku, hasil seni dan artifak, yang tidak ketara (seperti cerita rakyat, tradisi, bahasa, and pengetahuan), serta warisan semulajadi (termasuk ciri muka bumi dan biodiversiti)

## BIBLIOGRAFI

Asrol Awang (2021, Ogos 19) Roslan wakil negara ke Russia.

<https://www.hmetro.com.my/rap/2021/08/744443/roslan-wakil-negara-ke-russia>

Fairus Mohd (2021) Roslan Madun bawa nama Malaysia, Negeri Pahang.

<https://pahangmedia.my/roslan-madun-bawa-nama-malaysia-negeri-pahang/>

Hafiz Ithnin (2018, July 31) Mengenali Budaya Warisan.

<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/07/363487/mengenali-budaya-warisan>

Mimbar Kata (2013) Warisan: Lagu Rakyat.

<https://mimbarkata.blogspot.com/2013/09/warisan-lagu-rakyat.html>

Mohammad Haris Abd Azis (2021, April 2) Seni Dan Budaya Tradisi Perlu Anjakan

Paradigma. Bernama News. Retrieved from

<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1947937>

Ridzuan Abdul Rahman (2021) Promosi Kesenian Pahang. Retrieved from

<https://www.hmetro.com.my/rap/2021/12/783507/promosi-kesenian-pahang>

Roslan Madun (2022) Roslan Madun: Raja Syair Nusantara.

<https://roslanmadun.com/biodata/>

Sulaiman Suhaili (2011) Kepentingan Memelihara Warisan Bangsa. Retrieved from  
<https://fasilitatorbahasa.blogspot.com/2011/09/kepentingan-memelihara-warisan.html>

Syarifah Salha Syed Ahmad (2021) Roslan Madun: Lagu Rakyat Mekar di Tangannya.  
Retrieved from <https://dewansastera.jendeladbp.my/2021/09/20/roslan-madun-lagu-rakyat-mekar-di-tangannya.html>

Zaini Othman (2021) USIM beri penghargaan kepada penggiat seni Melayu, Roslan Madun.  
<https://www.usim.edu.my/ms/berita/usim-beri-penghargaan-kepada-penggiat-seni-melayu-roslan-madun/>